

Berita Minggu, Ahad, 13 Jun, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perutusan Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Sabtu — Yang di-Pertuan Agong menghantar kawat ucapan selamat kepada Presiden Filipina, Ferdinand Marcos, sebagai menyambut hari ulangtahun ke-84 kemerdekaan republik itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada Encik Marcos menyatakan keyakinannya bahawa hubungan yang wujud sekarang antara Malaysia dengan Filipina akan dapat ditingkatkan lagi dalam beberapa tahun akan datang.

Katanya, ini ialah untuk kepentingan bersama dan juga bagi kemajuan dan perpaduan Asean.